

KOD TATACARA PEROLEHAN

KOD TATACARA PEROLEHAN

“Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berpegang kepada prinsip di mana semua hubungan Pembekal/Kontraktor perlu berasaskan prinsip murni pentadbiran iaitu integriti, kebertanggungjawaban, adil dan tiada tolak ansur terhadap sogokan dan rasuah. Prinsip-prinsip ini adalah terpakai bagi semua aktiviti perolehan syarikat. Prinsip-prinsip ini dilaksanakan menerusi Kod Tatacara Perolehan (Kod) yang lengkap, yang sentiasa dikemaskini agar sesuai dengan perubahan undang-undang, keperluan reputasi dan perubahan dalam perniagaan. Seluruh anggota kerja, pengarah dan Pembekal/Kontraktor SESB dikehendaki mematuhi Kod ini.”

KANDUNGAN

Glosari

Pendahuluan

Pelanggaran Kod

Prinsip-prinsip Kod

Pematuhan Kod

GLOSARI

WAKIL SAH SESB

Jabatan Perolehan, Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Hal Ehwal Dalaman dan Jabatan Keselamatan.

SOGOKAN

Wang ringgit, hadiah, bantuan atau janji yang diberikan kepada sesiapa yang memegang sebarang jawatan yang diamanahkan untuk mempengaruhi tindakan atau pertimbangan.

RASUAH

Kesalahan yang didefinisikan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Merujuk kepada keadaan di mana seseorang individu memiliki kerjaya yang menyaingi atau tanggungjawab peribadi atau kepentingan peribadi atau kepentingan kewangan yang boleh menyukarkan individu tersebut untuk menjalankan tugasnya dengan adil.

PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah SESB.

ANGGOTA KERJA

Seluruh anggota kerja SESB termasuk anggota kerja SESB yang dipinjamkan atau ditugaskan ke syarikat atau organisasi lain.

ANGGOTA KERJA YANG DIPINJAMKAN KE SESB

Anggota kerja organisasi lain yang dipinjamkan ke SESB.

HADIAH

Sesuatu yang diberikan secara percuma daripada seseorang kepada seseorang yang lain.

SAGU HATI

Sesuatu pemberian secara sukarela atau yang melebihi dari yang diperlukan lazimnya sebagai balasan atau bertujuan mendapatkan sesuatu.

SESB

Sabah Electricity Sdn Bhd

SYARIKAT USAHA SAMA

Semua syarikat usahasama yang dimiliki secara majoriti oleh Tenaga Nasional Berhad, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

SOGOKAN/KOMISYEN

Imbuan berbentuk tunai atau barangan sebagai balasan kerana mempengaruhi atau mengawal sesuatu urusniaga.

PIHAK BERKUASA RASMI

Agensi Anti Rasuah, Polis dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

PROSES PEROLEHAN

Seluruh proses perolehan termasuk perancangan produk, permintaan, pemilihan pembekal, pengurusan kontrak dan penilaian pembekal.

ANAK SYARIKAT

Semua syarikat milik majoriti Tenaga Nasional Berhad, baik secara langsung ataupun secara tidak langsung.

PEGAWAI PENYELIA

Ketua Bahagian, Ketua Jabatan atau mana-mana anggota kerja yang dipilih atau dilantik oleh Ketua Jabatan untuk memberikan pandangan mengenai perkara berkaitan dengan Kod ini.

PEMBEKAL/KONTRAKTOR

Entiti yang telah atau berpotensi membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada SESB.

TNB

Tenaga Nasional Berhad, Anak Syarikatnya dan Syarikat Usahasamanya.

PENDAHULUAN

Tadbir urus korporat yang sihat kian diperkenalkan ke seluruh dunia sebagai asas perniagaan bagi persaingan mapan. Di SESB pihak yang berkepentingan, Pengarah-pengarah dan anggota kerja mengutamakan untuk menjalankan perniagaan dengan syarikat yang mendukung prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang sihat iaitu integriti, telus, berkecuali, bertanggungjawab, adil dan menjalankan tanggungjawab sosial.

Berdasarkan prinsip tersebut, perolehan adalah mustahak kerana ia memainkan peranan yang penting dalam perniagaan. Fungsi perolehan yang berkesan akan membolehkan SESB untuk:

- Memberikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pelanggan;
- Menjadi lebih peka terhadap keperluan pelanggan;
- Beroperasi dengan lebih berkesan dan dengan kos yang lebih efektif.
- Bekerja dengan lebih produktif dengan Pembekal/Kontraktor; dan
- Memelihara nama baik dan reputasi SESB.

Untuk menjadikan fungsi perolehan SESB lebih berkesan, kami percaya semua pihak yang terlibat dalam Proses Perolehan perlulah mengamalkan prinsip-prinsip yang asas iaitu amanah, jujur, adil dan telus. Dengan Kod ini, kami berharap dapat memperjelas dan membudayakan:

- Perkara yang dianggap sebagai perniagaan yang diterima, dan apakah penglibatan yang tidak dibenarkan oleh SESB;
- Saluran yang ada bagi menyampaikan atau melaporkan perilaku tidak beretika; dan
- Implikasi ketidakpatuhan terhadap Kod ini.

Kod ini terpakai kepada semua yang terlibat dalam Proses Perolehan di SESB termasuklah:

- Semua Pengarah;
- Semua Anggota kerja dan Anggota kerja yang dipinjamkan ke SESB;
- Semua Pembekal/Kontraktor sedia ada termasuk pengarah dan pekerja mereka.

PELANGGARAN KOD

Pelanggaran Kod oleh Kakitangan

Pelanggaran Kod boleh mengakibatkan tindakan disiplin ke atas kakitangan terbabit seperti yang terkandung dalam “Prosedur Tatatertib SESB” atau sebarang prosedur tatatertib yang terpakai.

Kegagalan mematuhi kod oleh Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB dari jabatan Kerajaan atau syarikat lain boleh menyebabkan tindakan disiplin seperti yang diperuntukkan dalam peraturan dan prosedur majikan mereka.

Pelanggaran Kod Oleh Pengarah

Bagi Pengarah, kegagalan memaklumkan percanggahan kepentingan boleh mengakibatkan tindakan disiplin seperti yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965.

Pelanggaran Kod Oleh Pembekal/Kontraktor

Pembekal/Kontraktor yang melanggar Kod akan dikenakan tindakan berikut:

- Denda/Penalti atau tindakan undang-undang yang lain;
- Penamatan kontrak secara serta-merta;
- Pendedahan mengenai pelanggaran Kod kepada SESB;
- Disenarai hitam oleh SESB dan tidak akan dibenarkan dari menyertai tender bagi sebarang kerja dalam seluruh proses rantai bekalan dalam sesuatu jangkamasa yang ditentukan. Pengarah syarikat boleh juga disenarai hitam.









PRINSIP-PRINSIP KOD

Kod ini dipandu oleh lapan prinsip tatacara yang mencerminkan teras kepercayaan dan nilai yang dipegang oleh SESB (sila rujuk Jadual 1).

Kod ini menekankan tiga tindakan beretika:

- Penolakan rasuah secara mutlak;
- Tiada percanggahan kepentingan; dan
- Jujur dan menunjukkan kebolehan yang sebenar

Jadual 1 : Prinsip Utama Kod Ini

Kejujuran dan keadilan		Semua pihak menjalankan kerja-kerja perolehan dan perniagaan dengan jujur dan adil.
Kebertanggung-jawaban dan ketelusan		Proses memberikan kontrak perlu dijalankan dengan terbuka, telus, dan dibuat berdasarkan pertimbangan yang baik dan munasabah.
Pernyataan kepentingan		Semua pihak perlu menyatakan kepentingan yang berkemungkinan akan berlaku percanggahan kepentingan.
Pematuhan undang-undang		Semua pihak perlu mematuhi semua undang-undang termasuklah undang-undang di Malaysia serta perkara-perkara yang terkandung dalam perjanjian.
Amalan anti-kompetitif		Semua pihak tidak dibenarkan terlibat dalam amalan perolehan yang anti-kompetitif.
Kelebihan berat sebelah		Semua pihak tidak boleh terlibat dengan amalan perolehan yang boleh memberikan kelebihan yang berat sebelah.
Komitmen semua pihak		Semua pihak tidak boleh menyerahkan tender tanpa niat yang bersungguh, keyakinan dan/ atau kemampuan yang kuat untuk meneruskan kontrak
Kerjasama yang baik		Semua pihak perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalinkan hubungan perniagaan berdasarkan komunikasi yang terbuka dan baik, hormat menghormati, amanah dan menggunakan pendekatan tanpa permusuhan dalam menyelesaikan pertikaian.

PRINSIP-PRINSIP KOD

Dasar SESB Mengenai Rasuah

Undang-undang negara ini telah menetapkan semua bentuk Rasuah adalah salah di sisi undang-undang. Oleh itu semua Anggota kerja, Anggota kerja yang dipinjamkan ke SESB, Pengarah dan Pembekal/Kontraktor dilarang sama sekali dari terlibat dengan amalan keji tersebut. Adalah menjadi dasar SESB agar semua Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, Pengarah dan Pembekal/Kontraktor menjalankan tugas mereka mengikut kod etika berikut:

Kod Etika Pembekal/Kontraktor:

- Tidak menawarkan wang, barangan atau perkhidmatan kepada mana-mana Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, Pengarah SESB atau mana-mana pegawai sebagai ganjaran bagi sesuatu keputusan, pandangan, saranan, undian atau mana-mana budi bicara mereka yang lain.
- Tidak menawarkan, memberikan, bersetuju atau menjanjikan walau dalam apa bentuk sekalipun imbuhan kepada Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB dan Pengarah SESB.

Sekiranya terdapat Anggota kerja atau Pengarah yang melakukan mana-mana dari kesalahan yang dinyatakan di atas Pembekal/Kontraktor terbabit perlu melaporkan kesalahan tersebut kepada Wakil Sah SESB atau dalam kes melibatkan Pengarah kepada Pihak Berkuasa Rasmi.

Kod Etika bagi Anggota kerja, Anggota Kerja yang Dipinjamkan ke SESB dan Pengarah:

PANDUAN	LARANGAN
Pilih Pembekal/Kontraktor berdasarkan merit dan kepatuhan kepada syarat perolehan SESB.	Terlibat dengan aktiviti yang menjejaskan proses pemilihan Pembekal/Kontraktor.
Sentiasa peka dan melaporkan sebarang tindakan yang dicurigai melanggar Kod ini oleh Pembekal/Kontraktor, Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, atau Pengarah.	Terlibat dengan amalan rasuah, menerima atau memberi soguhati, sogokan atau imbuhan.
Melaporkan sebarang ketidakpatuhan oleh Pembekal/Kontraktor, Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, atau Pengarah kepada Wakil SESB Yang Diberi Kuasa atau Pihak Berkuasa Rasmi.	Tidak mendedahkan sebarang maklumat perniagaan Pembekal/Kontraktor, contohnya kadar tawaran, maklumat mengenai kejayaan bida kepada mana-mana pihak.
Sentiasa mematuhi dan mengamalkan piawaian etika tertinggi apabila berurusan dengan pelanggan dan juga Pembekal/Kontraktor.	

Tindakan Apabila Berlaku Percanggahan Kepentingan

Anggota kerja, Anggota kerja yang dipinjamkan ke SESB dan Pengarah mestilah sentiasa menggunakan pertimbangan yang sewajarnya dan mengelakkan Percanggahan Kepentingan.

Sekiranya Anggota kerja atau Anggota kerja yang dipinjamkan ke SESB mengalami atau berpotensi mengalami percanggahan kepentingan dengan Pembekal/Kontraktor, individu tersebut mestilah memaklumkan percanggahan kepentingan tersebut kepada Pegawai Penyeliannya dengan serta merta. Pegawai Penyelia tersebut akan membuat keputusan sama ada individu tersebut patut menarik diri dari proses perolehan dan mencari alternatif lain.

Dalam kes di mana Pegawai Penyelia yang berpotensi mengalami percanggahan kepentingan, beliau perlu memaklumkan kepada Pegawai Penyelia yang lebih kanan atau Jabatan Hal Ehwal Dalaman atau Jabatan Audit Dalaman atau Jabatan Keselamatan SESB sebagai jalan terakhir.

Jika seseorang Pengarah mengalami atau berpotensi mengalami percanggahan kepentingan, Pengarah terbabit perlulah memaklumkan percanggahan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Pengarah SESB dan/atau menarik diri dari proses perolehan tersebut.

Pernyataan Oleh Pembekal/Kontraktor

Pembekal/Kontraktor mestilah membuat pengisytiharan bertulis kepada SESB bahawa mereka:

- Akan mematuhi segala undang-undang, peraturan dan keperluan berkanun yang berkaitan dengan peruntukan produk/perkhidmatan kepada SESB.
- Tidak mempunyai kaitan (contohnya pemegang saham biasa, Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan kanan) dengan mana-mana Pembekal/Kontraktor yang menyertai sesuatu bidaan.
- Tidak akan berkomplot atau berpakat dengan Pembekal/Kontraktor atau agen lain yang turut menyertai sesuatu bidaan
- Adalah pembekal yang sah/bertauliah bagi produk/perkhidmatan tersebut dan mereka tidak akan menawarkan diri menjadi agen/wakil kepada pembekal khidmat pihak ketiga bagi produk/perkhidmatan yang serupa baik secara terang-terangan atau tersirat.
- Akan sentiasa membekalkan produk yang berkualiti dan diperakui layak dijual.
- Memiliki dan menggunakan kebolehan yang sepatutnya, perkakasan dan tempat perniagaan yang sesuai untuk menjalankan tanggungjawab mereka.
- Tidak akan menyerahkan sepenuhnya kerja/perkhidmatan kepada pihak ketiga.
- Perlu mengekalkan piawaian tertinggi ke atas integrity dan kualiti kerja setiap masa.

Jika Pembekal/Kontraktor mempunyai status Bumiputera, Pembekal/Kontraktor hendaklah mengakui/mengesahkan bahawa:

- Majoriti (sekurang-kurangnya 51%) pemegang saham/ekuiti adalah pemilikan/dimiliki oleh Bumiputera;
- Majoriti (sekurang-kurangnya 51%) pekerja syarikat tersebut adalah terdiri dari kaum Bumiputera;
- Jawatan utama/penting dalam organisasi Pembekal/Kontraktor, seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengarah Urusan, Pengurus Besar atau Ketua Pegawai Kewangan, atau sebarang jawatan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal kewangan adalah dipegang oleh Bumiputera: dan/atau
- Semua garis panduan yang menentukan syarat kelayakan status Bumiputera bagi sesebuah syarikat dipatuhi.

PEMATUHAN KOD

Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, Pengarah dan Pembekal/Kontraktor termasuklah pengarah dan kakitangannya hendaklah mematuhi peruntukan dalam Kod ini pada setiap masa.

Syarat bagi Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, dan Pengarah

Semua Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB dan Pengarah adalah bertanggungjawab dan mempunyai akauntabiliti untuk mematuhi setiap perkara yang digariskan dalam Kod ini baik yang nyata ataupun yang tidak nyata. Dalam memenuhi tanggungjawab ini, setiap seorang Anggota kerja, Anggota kerja yang Dipinjamkan ke SESB, dan Pengarah diwajibkan untuk:

- Membaca, memahami dan menghayati Kod ini.
- Menyertai program/acara latihan dan pendidikan yang diperlukan bagi tugas mereka;
- Mendapatkan panduan untuk menyelesaikan masalah dalam amalan perniagaan atau pematuhan sekiranya tidak pasti bagaimana untuk menangani sesuatu keadaan;
- Melaporkan kemungkinan berlakunya pelanggaran Kod ini;
- Bekerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan yang mungkin dijalankan oleh Jabatan Perolehan, Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Hal Ehwal Dalaman dan Jabatan Keselamatan;
- Beriltizam untuk mengendalikan perniagaan SESB dengan penuh integriti, dan mematuhi Kod ini, dasar syarikat, dan keperluan undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Peraturan Bagi Pembekal/Kontraktor

Semua bakal Pembekal/Kontraktor atau yang sedia ada mestilah mematuhi prinsip dan dasar yang dinyatakan dalam Kod ini. Dalam memenuhi tanggungjawab ini, Pembekal/Kontraktor, serta Anggota kerja dan wakilnya mestilah:

- Membaca, memahami dan menghayati Kod ini;
- Mematuhi Kod ini;
- Melaporkan kepada Wakil Sah SESB sebarang kemungkinan berlakunya pelanggaran Kod ini dengan memaklumkan Wakil Sah SESB; dan
- Bekerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan atau audit yang dijalankan oleh Wakil Sah SESB berkenaan kepatuhan terhadap Kod ini.

SESB akan hanya berurusan dengan Pembekal/Kontraktor yang menerimapakai dan berpegang kepada Kod ini dan/atau dasar atau kod etika lain yang bertujuan untuk menggalakkan prinsip yang sama dengan Kod ini. Untuk itu, SESB akan memantau prestasi Pembekal/Kontraktornya dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika berlaku sebarang pelanggaran Kod ini.

Bagi memastikan Kod ini dipatuhi, Pembekal/Kontraktor mestilah:

- Menyimpan dokumentasi yang tepat dan lengkap bagi seluruh transaksi sebagai bukti pematuhan;
- Membenarkan Wakil Sah SESB akses sepenuhnya dan tidak terhalang untuk mendapatkan rekod yang berkenaan, atas permintaan SESB;
- Membenarkan Wakil Sah SESB untuk menjalankan temuduga sulit dengan pengurusan, pengarah-pengarah dan pekerja secara individu;
- Membenarkan Wakil Sah SESB untuk melakukan lawatan ke tapak lokasi Pembekal/Kontraktor dengan apa cara sekali pun; dan
- Member respon/jawapan dengan seberapa segera terhadap pertanyaan dari Wakil Sah SESB berkenaan pelaksanaan Kod ini.